

# Buletin

Muharram-Safar 1444 / Ogos 2022

e-ISSN: 2600-8289

## ACIS

**Merdekakah Generasi Kita  
daripada Belenggu “Gajet”?**

**Hakikat Kemerdekaan Bagi  
Keluarga Malaysia**

**Ringkasan Buku: Falsafah  
MIM (ム) UiTM**

**Inilah Harapan dan  
Cita-Cita Kita**

**Merdekakah Kita**

**Walau Kita Berbeza Tetap  
Teguh Bersama**



#**KELUARGA  
MALAYSIA  
TEGUH BERSAMA**



e-ISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

# Inilah Harapan dan Cita-Cita Kita

Oleh:

**Napishah Osman**

Ahli Aktif Pertubuhan IKRAM Negeri Sembilan

Inilah bumi bertuah negara indah,  
Ladang petani, lautan nelayan,  
Mencari hasil bumi,  
Menebarkan rezeki,  
Para pejabat mencipta misi dan visi,  
dan bekerja demi memenuhi tuntutan institusi.

Inilah bumi bertuah negara indah,  
Suatu masa menjadi tumpuan dagang, cendekia dan  
senteri,  
Kapal berlabuh penuh muatan,  
Gudang-gudang besar berganti barang,  
Hasil-hasil bumi menjadi tumpuan negara dunia,  
dan dipanggil harimau ekonomi Asia.  
Di menara gading,  
para mahasiswa asyik menuntut ilmu,  
Para cendekia dan senteri menekuni pelbagai bidang  
kajian.

Entah mengapa...  
Walau tiada garuda menyerang watan,  
Walau tiada raksasa merempuh kota,  
Langit negara kini diselaputi awan kelam.

Namun kata orang;  
Kalau sudah hujan di hulu;  
mana akan jernih pula di kuala.

Sukarnya kini untuk bapa-bapa,  
membawa pulang pendapatan,  
Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang,  
Hati berdebar-debar menunggu untuk sebulan.

Dijalan-jalan raya asap padat menyendat nafas,  
datangnya dari mesin-mesin penghantar,  
Anak-anak muda matangnya di jalanan...  
bukan di menara gading...  
Kata mereka... "Tidak akan mahu membebangkan ibu  
bapa tercinta,  
tambahan lagi...buat apa membuang masa;  
Kalau imbuhanya secebis cuma..."

Namun...

Inilah harapan kita...  
Pantang undur sebelum berjuang,  
Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

Inilah cita-cita kita...

Masyarakat madani yang beramal,  
Cergas fizikal bijak bertindak,  
Berhati waja tempuh segala kesukaran,  
Jangan asyik memangku tangan, nanti mati dalam  
angan-angan,  
Hilangkan mentaliti subsidi dari jiwa.

Inilah cita-cita kita...

Generasi muda yang mengataskan ilmu pengetahuan,  
kerana....Allah meninggikan darjat orang-orang yang  
berilmu atas,  
orang-orang beriman beberapa darjat (Mujadalah:11),  
Menuntut ilmu bukan sekadar inginkan imbuhan,  
Menuntut ilmu bukan kerana pangkat dan gelaran,  
Kepada watan,  
Generasi bijaksana akan membawa kemakmuran dan  
kesejahteraan.

Inilah cita-cita kita...

Setiap rakyat diraikan sebaik-baiknya,  
Kemakmuran negara nikmati bersama,  
Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah,  
Di mana bumi dipijak, di situ langit di junjung,  
Walau kita berbeza, tetap **teguh bersama**.

Inilah cita-cita kita...

Jadilah rakyat yang tidak cemerkap,  
dalam memacu hala tuju negara,  
Generasi kompeten dan berwibawa,  
Mempunyai sikap akauntabiliti,  
Agar negara dapat bersaing dalam era globalisasi.

Inilah bumi bertuah negara indah

Adat rakyat,

Air setistik jadikan lautan, tanah segenggam jadikan gunung.

Adat penghulu,

berpandang luas beralam lapang.

Beruntunglah orang-orang yang ikhlas menafkahkan  
keringatnya,  
membina watan tercinta...

kerana Rahmatan lil Alamin menyebar kepada sesiapa sahaja,  
yang akur akan syariat-Nya.